

Institut Biosains Anjur Kursus Akuakultur

Oleh: MOHD RUSDY HASAN

SERDANG: Pusat Teknologi Sumber Akuatik, Institut Biosains mengadakan Kursus Asas Akuakultur bertempat di Dewan Kuliah berhampiran Fakulti Perubatan Veterinar baru-baru ini.

Kursus selama dua hari itu telah dirasmikan oleh Pengarah Institut Biosains, Prof Dr Abdul Rani Bahaman.

Menurut Prof. Rani bidang akuakultur adalah satu industri yang menarik untuk diceburi. Industri ini katanya bakal menghasilkan peningkatan mendadak kepada mereka yang menceburinya pada masa-masa akan datang.

“Negara kita mengimport kira-kira 80 peratus daging dan makanan mentah termasuk ikan dari luar. Kemajuan dalam bidang ini membolehkan negara pada masa depan tidak bergantung lagi kepada sumber import tersebut,” katanya semasa berucap pada majlis perasmian itu.

Kursus ini dianjurkan untuk memberi pendedahan kepada orang ramai khususnya kepada peternak mengenai aspek-aspek penting dalam bidang akuakultur. Di samping itu melalui kursus ini para peserta boleh mempelajari bagaimana kaedah untuk menjadi usahawan yang berjaya dalam bi-



Para peserta kursus bergambar kenangan bersama Pengarah Institut Biosains, Profesor Dr. Abdul Rani Bahaman selepas majlis Pelancaran kursus - Foto: Ahmad Fua'ad Alwi

undang akuakultur.

Dalam kursus ini para peserta diajar mengenai selok belok pembinaan dan pengurusan kolam ternakan, biologi dan pemakanan, pengurusan kualiti air untuk spesies ternakan dan pengenalan kepada penyakit yang sering melanda ternakan.

Turut dibincangkan

dalam kursus tersebut ialah mengenai soal pemasaran dan hal-hal berkaitan dengan pinjaman untuk menjalankan perniagaan ini.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Ketua Pusat Teknologi Sumber Akuatik Dr Che Roos Said dan beberapa pegawai pusat.